

# **FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ) PROGRAM PENAJAAN BIASISWA ORANG MUDA JOHOR 2023**

## **1. Apakah itu Program Penajaan Biasiswa Orang Muda Johor 2023?**

Biasiswa Orang Muda Johor merupakan penajaan kepada pelajar-pelajar terbaik lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berasal dari Negeri Johor untuk melanjutkan pelajaran ke universiti terkemuka dunia.

Calon-calon yang terpilih akan ditawarkan penajaan bagi mengikuti pengajian peringkat Persediaan sehingga ke peringkat Ijazah Pertama tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan pengiktirafan bidang pilihan di 20 universiti terbaik dunia seperti yang disenaraikan dalam Times Higher Education (THE) World University Rankings, Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings, dan / atau Academic Ranking of World Universities (ARWU) berdasarkan kedudukan universiti atau bidang pengajian.

## **2. Apakah syarat-syarat permohonan Program Penajaan Biasiswa Orang Muda Johor 2023?**

2.1 Calon-calon mestilah memenuhi syarat umum dan syarat khusus permohonan seperti berikut :

### **2.1.1 Syarat Umum**

- i. Pemohon dan Ibu Bapa merupakan warganegara Malaysia;
- ii. Pemohon dan Ibu atau Bapa telah menetap di Johor sekurang-kurangnya 5 tahun berturut-turut (dari tarikh permohonan);
- iii. Berstatus bujang / belum berkahwin
- iv. Mengikuti pengajian secara sepenuh masa
- v. Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama

- vi. Mempunyai kesihatan yang baik (fizikal dan mental)
- vii. Tidak terlibat dalam sebarang prosiding jenayah dan tidak disenarai hitam
- viii. Umur belum mencapai 19 tahun (20 tahun bagi pelajar peralihan) pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki

### **2.1.2 Syarat Khusus**

Memperoleh keputusan **sekurang-kurangnya 9A+** bagi mata pelajaran berikut:

- (1) Bahasa Melayu;
- (2) Bahasa Inggeris;
- (3) Matematik;
- (4) Sejarah;
- (5) Matematik Tambahan;
- (6) Fizik;
- (7) Kimia;
- (8) Pendidikan Islam/ Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah/ Pendidikan Syariah Islamiah/ Pendidikan Moral/ Usul Al-Din/ Al- Syariah/ Turath Al-Quran Wa Al-Sunnah/ Turath Dirasat Al-Islamiah; dan
- (9) Satu (1) mata pelajaran lain;

### **DAN JIKA ADA**

Memperoleh **minimum gred A-** bagi semua mata pelajaran lain.

### 3. Bagaimana kaedah pemilihan pelajar?

3.1 Terdapat dua keadah yang akan digunapakai bagi mengenalpasti calon-calon berkeelayakan iaitu :

a) *Maklumat Lembaga Peperiksaan Malaysia :*

YPJ akan mendapatkan maklumat keseluruhan keputusan peperiksaan SPM bagi anak-anak Johor di seluruh Malaysia tahun berkenaan daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Berdasarkan maklumat yang diterima daripada LPM, senarai nama pelajar yang memenuhi syarat khusus akan dipelawa untuk memohon penajaan ATAU;

b) *Hebahan / Pengiklanan :*

Hebahan mengenai tawaran penajaan akan dibuat di laman web serta media sosial. Calon yang berkeelayakan boleh terus membuat permohonan melalui saluran permohonan yang telah disediakan secara “online”

3.2 Saringan Pertama : Permohonan akan disaring oleh pihak Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) mengikut syarat-syarat umum, khusus dan lain-lain kriteria penilaian yang telah ditetapkan untuk disenarai pendek.

3.3 Saringan Kedua : Calon yang disenarai pendek seterusnya akan menghadiri ***Student Assessment (SA)*** selama 3 hari yang akan dikendalikan oleh ***Institusi Dato Onn (IDO)***. Student Assessment (SA) merupakan saringan pemilihan pelajar bagi menyediakan profil interpersonal pelajar dan menyediakan maklumat kumulatif berkenaan kompetensi pelajar bagi memilih pelajar terbaik untuk ditaja. Penilaian SA ini adalah untuk melihat keadaan fizikal, penampilan, kesesuaian, kerjasama, ketahanan, kematangan, daya kreativiti, komunikasi, kepimpinan dan minat calon dalam bidang pengajian.

- 3.4 Jawatankuasa Saringan bersidang bagi menilai markah keseluruhan melalui saringan pertama dan kedua sebelum menyenarai pendek nama untuk saringan akhir.
- 3.5 Jawatankuasa Temuduga dan Kelulusan (Pihak Berkuasa Melulus) akan bersidang bagi menjalankan sesi temuduga, meneliti senarai nama calon-calon akhir dan seterusnya memutuskan nama-nama calon yang berjaya ditawarkan penajaan biasiswa

**4. Apakah itu *Student Assessment (SA)*?**

*Student Assessment (SA)* merupakan kaedah pemilihan pelajar bagi menyediakan profil interpersonal pelajar dan menyediakan maklumat kumulatif berkenaan kompetensi pelajar bagi memilih pelajar terbaik untuk ditaja.

**5. Bilakah saya boleh mengetahui sama ada saya dipanggil untuk ke program SA?**

Calon yang berjaya akan dimaklumkan melalui SMS

**6. Apakah dokumen yang perlu saya bawa semasa menghadiri program SA?**

Calon akan dimaklumkan melalui surat panggilan ke SA.

**7. Bagaimanakah YPJ akan membuat pemakluman berhubung urusan permohonan, panggilan SA, keputusan dan penawaran Program Penajaan Biasiswa Orang Muda Johor?**

Semua urusan berhubung Program Penajaan Biasiswa iaitu permohonan, panggilan SA, keputusan dan cetakan surat tawaran serta dokumen-dokumen yang berkaitan akan dibuat secara dalam talian di laman web YPJ. Surat-surat/slip pengesahan yang

berkenaan hendaklah dimuat turun dan dicetak sendiri oleh calon.

Calon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di laman web YPJ dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini berhubung Program Penajaan Biasiswa Orang Muda Johor 2023.

**8. Saya menduduki peperiksaan SPM 2020. Bolehkah saya memohon Program Penajaan Biasiswa Orang Muda Johor Tahun 2023?**

Tidak. Program Penajaan Biasiswa Orang Muda Johor 2023 hanya dibuka kepada pelajar lepasan SPM tahun 2022 sahaja.

**9. Bolehkah calon memilih bidang pengajian?**

**Boleh.** Calon-calun hanya dibenarkan memilih **satu (1) bidang yang ditawarkan sahaja** bergantung kepada minat dan kecenderungan calon.

**10. Di manakah Program Persediaan diadakan?**

Program persediaan akan diadakan di **Kolej Yayasan UEM (KYUEM), Lembah Beringin** selama 24 bulan.

**11. Berapakah Elaun Sara Hidup yang akan saya terima semasa di peringkat persediaan?**

Elaun Sara Hidup yang akan diterima adalah sebanyak **RM400.00 sebulan**.

**12. Adakah saya dibenarkan melanjutkan pengajian di Universiti selain daripada senarai Universiti yang diberikan?**

**Tidak.** Pelajar hanya dibenarkan memilih 20 universiti terbaik dunia seperti yang disenaraikan dalam Times Higher Education (THE) World University Rankings, Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings, dan / atau Academic Ranking of World Universities (ARWU) berdasarkan kedudukan universiti atau bidang pengajian.

**13. Bagaimana cara membuat semakan sama ada saya merupakan calon Biasiswa Orang Muda Johor?**

Calon boleh terus mendaftar melalui sistem permohonan biasiswa iaitu PROLIMS. Melalui sistem tersebut status permohonan akan dipaparkan dan dikemaskini dari semasa ke semasa.

**14. Apakah bidang pengajian dan senarai universiti boleh dipohon?**

Bidang pengajian dan senarai universiti boleh dipohon adalah seperti berikut:

Calon-calon hanya dibenarkan memilih satu (1) bidang yang ditawarkan sahaja bergantung kepada minat dan kecenderungan calon.

- a) Kejuruteraan & Teknikal
- b) Sains & Teknologi
- c) Sains Sosial : terhad kepada Sains Politik / Hubungan Antarabangsa, Kewangan / Perbankan, Perakaunan / Percukaian, Ekonomi, Psikologi

**15. Adakah calon dibenarkan untuk mengikuti program persediaan secara persendirian di pusat persediaan yang berasingan?**

**Tidak.** Calon-calon yang berjaya ditawarkan di bawah Program Penajaan Biasiswa Orang Muda Johor 2023 perlu mengikuti program persediaan di **kolej persediaan yang telah ditetapkan sahaja.**

**16. Tarikh Tutup Permohonan**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **14 hingga 27 Jun 2022 (Selasa) jam 4 petang**.  
Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

**17. Keputusan Permohonan**

Calon yang berjaya akan dimaklumkan melalui SMS dan semakan serta cetakan maklumat yang berkaitan boleh dibuat di sistem PROLIMS YPJ.